

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD  
[ LIPIS ]**

**TARIKH : 24 JULAI 2018 (SELASA)**

**SOALAN : 30**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peranan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang terkini setelah diubah daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) akan melaksanakan fungsi seperti yang disenaraikan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (Akta 715) dan melaksanakan fungsi sebagai *economic regulator* ke atas sektor pengangkutan awam darat merangkumi mod jalan dan rel. Perlu diingatkan bahawa APAD yang akan ditubuhkan bukan badan berkanun tetapi merupakan satu agensi bertaraf jabatan Kerajaan dan akan diletakkan terus di bawah pentadbiran Kementerian Pengangkutan.

Fungsi utama yang akan dijalankan oleh APAD termasuklah melesenkan pengendali/penyedia perkhidmatan pengangkutan barangan dan pengangkutan awam; mempertimbang, meluluskan dan mengawal selia pembangunan dan pengoperasian skim keretapi; mengkaji dan mengenalpasti tahap permintaan ke atas perkhidmatan pengangkutan awam darat di seluruh negara; dan membangun, menetapkan dan tambang serta jadual pengangkutan awam.

Bagi meningkatkan keberkesanan aspek penguatkuasaan bagi mod jalan yang antaranya melibatkan pematuhan kepada syarat-syarat lesen pengendali perkhidmatan pengangkutan penumpang dan barangan, fungsi penguatkuasaan termasuk mengeluarkan saman/kompaun dan pendakwaan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pelaksanaan fungsi penguatkuasaan oleh JPJ akan menambahbaik aspek penguatkuasaan memandangkan liputan penguatkuasa JPJ yang lebih meluas serta mengelakkan persepsi terdapatnya pertindihan fungsi agensi-agensi penguatkuasaan di atas jalan.

JPJ juga akan turut diberi kuasa untuk menyediakan perkhidmatan pemprosesan permohonan lesen di kaunter melibatkan permohonan perlesenan pengendali perkhidmatan pengangkutan penumpang, pelancongan dan barangan. Perkara ini adalah bagi mengelakkan wujudnya dua (2) entiti yang menyediakan perkhidmatan kaunter di lapangan.

Bidang kuasa dan peranan APAD yang lengkap akan dimuktamadkan dalam masa terdekat oleh kerajaan.